

Polis serah kepada pasukan khas siasat video bocor Muhyiddin
The Malaysian Insider
July 30, 2015
Oleh Kc Nazari

Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata polis tidak akan menyiasat video bocor perbualan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mendakwa perdana menteri mengaku menerima AS\$700 juta (RM2.6 bilion) dalam akaunnya.

Menurutnya, ini kerana polis tidak akan mengulas siasatan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang diuruskan pasukan petugas khas.

"Saya tak akan ulas siasatan 1MDB. Sudah ada task force yang menyiasatnya," kata Khalid menjawab soalan wartawan tentang video itu yang disiarkan media, malam tadi.

Khalid turut menafikan khabar angin berkenaan wujudnya siasatan pasukan Cawangan Khas (SB) terhadap Gabenor Bank Negara Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

"Tiada (siasatan) oleh pihak kami," katanya ringkas sewaktu ditanya tentang perkara itu pada sidang media di Maktab Polis Cheras, Kuala Lumpur. – 30 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/polis-serah-kepada-pasukan-khas-siasat-video-bocor-muhyiddin>